

1976

KUALA TRENGGANU, 6 JUN (BERNAMA)-- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, MATLAMAT PELAJARAN NEGARA BUKAN SAJA MENENTUKAN SERAMAI-RAMAINYA KANAK-KANAK BERPELUANG BELAJAR DI SEKOLAH, TETAPI JUGA MENJAMIN MUTU PELAJARAN TERSEBUT BERGUNA KEPADA MURID-MURID DAN JUGA NEGARA.

UNTUK MENCAPAI TUJUAN INI, KERAJAAN TELAH PUN MENUBUHKAN KAWATANKUASA PERINGKAT MENTERI UNTUK MENYEMAK PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN.

DENGAN BERPANDUKAN SYUR-SYUR JAWATANKUASA TERSEBUT, MUTU PELAJARAN AKAN DIBAIKI DAN DIPERTINGKGIKAN LAGI. KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP MERASMIKAN SAMBUTAN JUBLI EMAS SEKOLAH KEBANGSAAN DUYONG DI SINI HARI INI.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYERU MASYARAKAT TERUTAMA PERSATUAN IBUBAPA-GURU MEMBANTU KERAJAAN DALAM USAHA MEMAJUKAN PELAJARAN.

PERSATUAN IBUBAPA-GURU PERLU MENGATUR RANCANGAN YANG BERKESAN UNTUK MENJAYAKAN MATLAMAT INI. -- BERSAMBUNG 1646/1B

570:
MAHATHIR 2 KUALA TRENGGANU

DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PENTINGNYA BUDIPEKERTI DAN AKHLAK YANG TINGGI, DI SAMPING PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOGI, UNTUK MENJAMIN KEMAJUAN KEBENDAAN TIDAK DISALAHGUNAKAN SEHINGGA MENGHANCURKAN KEHIDUPAN MANUSIA.

KEMUDIAN, BERUCAP DI UPACARA MERASMIKAN BILIK TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN TELAGA, ULU TRENGGANU, DI KUALA BRANG, KIRA-KIRA 30 BATU DARI SINI, DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA SEKOLAH BANTUAN PENUH KERAJAAN YANG BELUM PERNAH MENDAPAT KEMUDAHAN TAMBAHAN BILIK DARJAH DAN KEADAANNYA TIDAK MEMUASKAN.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MENYUSUN SEMULA JAWATANKUASA PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK MENELITI MASALAH DAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN SUPAYA FAEDAH DAN NIKMAT YANG LEBIH SAMA RATA DAPAT DIRASA OLEH KANAK-KANAK TERUTAMA DI KAWASAN LUARBANDAR.
--BERNAMA 1650/1B